


GAYA

HIDUP



MERIAM DIANGGAP SIMBOL STATUS

— Muka 35

APAM BALIK SUMBER REZEKI

— Muka 39

BOOK CHAMBER JUAL BUKU KARYA AGUNG

— Muka 44

SALAH satu karya oleh Yusof Ghani yang dipamerkan pada *Menjelang Syawal* di Balai Seni Maybank, Kuala Lumpur dari 8 Januari hingga 7 Februari ini.

Menjelang Syawal

...papar keagungan syiar Islam

Oleh AZMAN ISMAIL
Foto ZAINAL ABIDIN IBRAHIM

PAMERAN lukisan 'Menjelang Syawal' yang berlangsung di Balai Seni Maybank, Kuala Lumpur dari 8 Januari hingga 7 Februari ini menampilkan sedikit kelainan. Kelainan ini berhubungan erat dengan penggunaan karya-karya kanvas sebagai ilusi visual untuk memaparkan syiar Islam sempena bulan suci Ramadan dan Syawal. Sekali gus mengajak seluruh pengagumnya untuk menghayati makna sebenar bulan tersebut.

Dengan kata lain, pemaparan karya-karya berunsur Islam dengan pelbagai aliran ini merupakan perspektif Ramadan dan Syawal menerusi kaca mata 15 pelukis yang mengambil bahagian pada pameran tersebut. Sesuai dengan konsep ini, sekitar 57 karya yang dipamerkan pada pameran tersebut mengetengahkan pelbagai aspek yang menyentuh kebesaran Syawal sebagai lambang kemenangan Islam dan keagungan Al-Khalik.

Keagungan

Antara pelukis-pelukis yang mengambil bahagian pada pameran ini ialah Awang Damit Ahmad, Jailani Abu Hassan, Sharifah Zuriah Aljeffri, Syed Thajudeen, Yusof Ghani, Ghani Othman, M. Nasir dan lain-lain.

Menerusi pameran ini mereka bergabung tenaga menyatakan kepada khalayak tentang makna sebenar bulan Ramadan dan Syawal dari konteks psikologi mahupun perspektif Islam. Ini termasuk kelebihan-kelebihannya.

Sebahagian besar karya-karya yang diketengahkan pada pameran ini merupakan kombinasi bentuk-bentuk seni kanvas dan khat serta kaligrafi Islam yang diberi gambaran abstrak, realis dan surrealistic serta figuratif.

Gaya catan terang dan tekstur kasar yang menggetarkan jiwa pada karya-karya ini merupakan lambang kepada keagungan, kebesaran dan kemurahan Al-Khalik kepada setiap hamba-Nya.

Ia juga menjadi ilusi visual untuk menyatakan keginginan dan kedamaian yang diamugerahan kepada umat Islam pada Ramadan. Malah, gaya

sapuan lembut pada beberapa lukisan juga menjadi lambang keharmonian dan rahmat-Nya.

Pelukis terkenal Syed Thajudeen misalnya, memaparkan keagungan Ramadan dan Syawal dengan gaya statistik. Objek kecergasan gadis bertudung sedang membaca al-Quran dengan cara duduk wanita Timur menjadi sebahagian tafsiran makna kedua-dua bulan ini.

Dalam hal ini, catan terang dan tekstur kasar seolah-olah menggambarkan khayalak untuk turut menghayati Ramadan dengan ibadat dan pengabdian luhur kepada Tuhan alam semesta. Di sisi lain, warna merah dan kuning keemasan pada kanvas yang menjadi latar belakang pada karyanya memberi gambaran tentang unsur-unsur 'kehairahan' mengisi Ramadan dan kemenangan pada bulan Syawal.

Gambarnya ini jelas terlihat pada salah satu karyanya *Menjelang Syawal* dan *The Holy Book* yang bertujuan untuk mengajak khayalak lebih mengenali diri di sisi Tuhan.

Sementara itu, Mohd. Din Mohammad yang terkenal dengan karya-karya berunsur kaligrafi Islam, menggabungkan elemen-elemen ini dengan seni kanvas, membentuk lukisan yang unik.

Lukisan cat minyaknya seperti *Pujian Di Hari Raya* dan *Ahmadullah* menampilkan sapuan berus dengan warna-warna lembut sebagai unsur harmoni dan keindahan ciptaan Tuhan untuk setiap hamba-Nya.

Warna cerah yang menjadi latar kepada kalimat-kalimat suci yang ditulis dengan warna tebal dan garang memperlihatkan bahawa Tuhan adalah segalanya yang akan menentukan seluruh alam dan penghuninya. Pertembungan dua warna terang dan lembut ini seolah-olah menjadi paparan kepada suasana berpuasa dan kemenangan yang dicapai oleh setiap umat Islam apabila Syawal menjelang.

Pada pameran ini, penyanyi M. Nasir pula mencetus idea-idea ketuhanan dengan gambaran surrealistic dan abstrak yang

menggambarkan proses kehidupan seseorang manusia yang sewajarnya di sisi Tuhan.

Antara karya-karyanya pada pameran ini seperti *Baitul Aiam Batik* dan lukisan cat minyak *By The Wall, The Dance* dibentangkan dengan sapuan warna yang terang untuk melahirkan mesej kesedaran khayalak.

Sementara itu, pelukis seperti Yusof Ghani, Jailani Abu Hassan, Ariffin Ismail, Zakaria Awang dan lain-lain cenderung memaparkan imej Ramadan dan Syawal dari perspektif masing-masing dengan pelbagai aliran seni kanvas.

Dengan kehadiran pameran ini, kesemua pelukis yang mengambil bahagian pada pameran ini, membuka nuansa baru dalam memperlihatkan keagungan Ramadan dan kebesaran Syawal dalam ajaran Islam.



PAPARAN nilai-nilai estetika gadis membaca al-Quran dalam *The Holy Book* secara statistik oleh Syed Thajudeen.



GAMBARAN abstrak tentang kekuasaan Tuhan penjaga semesta alam dalam *Batik Alam* oleh M. Nasir